

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 26/09/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 32

Tajuk : Pengusaha vanila disaran bentuk koperasi

Pengusaha vanila disaran bentuk koperasi

TEMERLOH - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyeru 300 pengusaha vanila di Malaysia supaya bergabung mewujudkan Koperasi Vanila Berhad berikutan potensi besar yang dimiliki oleh tanaman terbabit.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kewujudan koperasi terbabit dapat melaksanakan pelbagai aktiviti selain menjadi sebuah entiti bisnes serta faedah besar kepada ahli koperasi.

Menurutnya, ia dapat dilihat menerusi pasaran vanila yang disifatkan menjana keuntungan dan pendapatan lumayan.

"Angkasa boleh membantu dari segi khidmat nasihat, kursus, pinjaman dan geran tahunan kepada koperasi itu nanti.

"Oleh itu, 300 pengusaha vanila di negara ini wajar menubuhkan koperasi supaya segala aktiviti dan perancangan berkaitan vanila dapat dilaksanakan dengan lebih teratur," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas melakukan lawatan kerja ke Ladang Vanila Temerloh seluas 1.2 hektar milik Mohd Feisal Mohammad Norawi, 37, di Kampung Bangau Parit, di sini kelmarin.

Tambahnya, penanaman vanila memberi pulangan pendapatan lumayan kepada koperasi atau pengusaha antara RM600,000 hingga RM1 juta semusim melibatkan tanaman seluas 1 hektar sahaja dengan harga antara RM1,200 hingga RM2,000 sekilogram.

*Perustakaan Koperasi
Malaysia ANKASA*